

BAB 3


Kajian Makna Tersembunyi dan Penentu Sebutan Siri Fonetik [ing]

3.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kadar keberkesanan fungsi siri fonetik sebagai penentu sebutan serta penyampaian makna tersembunyi. Dengan itu, bab ini akan membincangkan aspek-aspek berkaitan dengan kaedah kajian ini dijalankan, iaitu dari segi kerangka konsep kajian, kerangka teoretis kajian dan methodologi.

3.2 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 3.1 Kerangka Konsep Kajian



Merujuk kepada rajah 3.1 di mukasurat depan, terdapat dua fungsi utama bagi siri fonetik iaitu sebagai penyampai makna tersembunyi dan penentu sebutan. Bagi menentukan kadar penentu sebutan yang sebenar serta makna tersembunyi yang ada pada siri fonetik, data-data harus dikaji berdasarkan konsep Liu Shu. Ini adalah kerana semua tulisan Cina bolch dikategorikan berdasarkan Liu Shu dan setiap komponen tulisan Cina mempunyai fungsi tertentu (sila rujuk muka surat 18). Sekiranya ingin mendapatkan "kadar keberkesan tulisan Cina dari segi penentu sebutannya", maka hanya "komponen siri fonetik" sahaja boleh dikaji.

Selain itu, kajian terhadap penentu sebutan dan makna tersembunyi harus dijalankan secara berkumpulan dan bersistem, iaitu mengikut komponen 'simbol fonetik' atau 'siri fonetik' yang bersebutan vokal (kajian ini menumpu kepada "kumpulan kata siri fonetik [ing]"). Sila rujuk muka surat 16). Hanya melalui kajian sedemikian, barulah fungsi penyampai makna tersembunyi dan penentu sebutan itu dapat memberikan gambaran yang jelas kepada pengguna bahasa Cina mengenai sejauh manakah siri fonetik memainkan peranannya dari aspek tersebut. Di samping itu, kajian sedemikian juga berupaya menghasilkan suatu sistem klasifikasi makna tersembunyi yang sistem dan teratur.

Akhir kata, terdapat dua konsep utama yang penting dalam mencapai objektif kajian ini (sila rjuk muka surat 8), antaranya adalah "kajian penentu sebutan dan makna tersembunyi mesti dijalankan berdasarkan Liu Shu (sila rujuk muka surat 18) agar menunjukkan gambaran yang sebenarnya".

Selain itu, "kajian penentu sebutan dan makna tersembunyi" juga harus dijalankan secara berkumpulan dan bersistem supaya dapat memberikan gambaran keseluruhan mengenai jumlah makna tersembunyi yang disampaikan oleh sekumpulan kata siri fonetik yang berkait rapat dan seterusnya menghasilkan satu klasifikasi makna tersembunyi yang sistem dan teratur.

3.3 Kerangka Teoretis Kajian

Dalam abab ke 19, penyelidikan perbandingan (comparative studies) telah dijalankan oleh orang Eropah terutamanya oleh linguis German seperti Franz Bopp (*Conjugation System*), August Von Schlegel (*early typological studies*), August Schleicher (*Stammbaum Theory of Family Tree Theory*) dan Jan Baudouin de Courtenay (*Theory of the "humanization" of phonology*) (Jurnal Bahasa Moden : 85). Seterusnya, linguis-linguis dari aliran Praha (Prague School) berpendapat bahawa penyelidikan perbandingan ini tidak harus dihadkan kepada bahasa yang geneologikal sahaja (contohnya seperti bahasa Indonesia, bahasa Melayu, bahasa Jawa, dan bahasa Tagalog boleh dianggap sebagai "Bahasa keluarga Indonesia") tetapi juga patut digunakan ke atas pelbagai kajian sistem linguistik yang tidak berkaitan dari segi geneologikal (contohnya seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Melayu).

Berdasarkan kefahaman dan kesedaran tersebut di atas, seorang linguis aliran Praha iaitu Nikolaj Sergejevic Trubetzkoy (1890-1938) telah menformalkan "Konsep ciri distingtif" di mana konsep ini bukan sahaja telah menjadi salah satu unsur penting dalam teori linguistik secara keseluruhan, bahkan telah terbukti sebagai


konsep analisis yang paling bermakna dan tahan lama dalam linguistik (Sejarah Ringkas Linguistik :251). Pada tahun 1940-an, walaupun ahli bahasa dari Denmark L.Hejlmller dan Jakobson berpendapat "konsep distingtif" ini boleh digunakan dalam bidang tatabahasa dan semantik, namun pandangan kedua-dua orang ahli bahasa tidak mendapat perhatian dan sambutan dari ahli linguis yang lain.

Sehingga tahun 1950-an, antropologis dari Amerika Syarikat F.G Lousbuary telah menerapkan "konsep ciri distingtif" dan menggunakannya untuk menganalisis dan memberi pencerangan terhadap istilah kerabatan dan kekeluargaan. Misalnya perbezaan antara kata "ayah" dengan "pakcik" dapat dijelaskan sekiranya istilah dipecahkan kepada himpunan yang berlawanan [lelaki],[ayah kepada], [anak kepada].

Akibat pengaruhan daripada "analisis komponan" yang dikemukakan oleh ahli antropologis pada 1950-an, Katz dan Fodor (linguis pada 1960-an) telah menggunakan "analisis komponen makna" dalam bidang semantik dibukunya "*The Structure of Semantic Theory (1962)*". Katz dan Fodor telah memberi perhatian kepada ketaksaan, anamali dan parafrasa. Melalui analisis yang berdasarkan "konsep ciri distingtif", mereka menunjukkan bahawa kamus berupaya membezakan makna struktur kosa kata. Sebagai contoh kata bahasa Inggeris "bachelor" mempunyai empat makna yang berbeza iaitu i) lelaki yang belum kahwin, ii) pahlawan muda yang dilatih oleh kesateria yang lain, iii) singa laut muda yang tidak mempunyai pasangan ketika mengawan, dan iv) seorang yang mempunyai ijazah pertama. Menurut Katz, keempat-empat boleh dibezakan sebahagiannya dengan "penanda" yang diperlihatkan di dalam kurungan misalnya (manusia), (binatang) dan (jantan).

bersama dengan ciri tertentu yang dinamai "perbeza" dan ditempatkan di dalam kurungan siku, misalnya [yang belum kahwin]. Analisis makna "*bachelor*" ini boleh dilihat dengan lebih jelas melalui rajah 3.2 berikut :

Rajah 3.2 : Rajah pohon Analisis Komponen Makna "Bachelor"



Melalui "analisis komponen makna" ini, makna "*bachelor*" dapat dilihat dengan lebih jelas. Kempson (1977:22) menyatakan dalam analisis komponen makna, perkataan dikaji bukan sebagai satu unit konsep yang tersendiri tetapi sebagai himpunan yang terdiri daripada komponen makna dan komponen itu sendirinya merupakan inti makna. Dengan kata lain, analisis komponen makna merupakan satu cara untuk menformalkan secara mutlak akan hubungan-hubungan pengertian yang berkait di antara satu sama-lain.

Akibat daripada penggunaan analisis komponen makna dalam menjelaskan makna perkataan oleh Katz dan Fodor, penggunaan teori analisis komponen makna dalam semantik semakin mendapat perhatian daripada ahli bahasa. Komponen semantik telah menjadi satu binaan teoritikal di mana setiap kata dalam bahasa boleh ditarifkan cirinya melalui komponennya. Ini jelas menunjukkan analisis komponen makna merupakan satu kaedah yang menghuraikan makna perkataan dan ungkapan bahasa berdasarkan ciri-ciri atau komponen makna perkataan. Analisis komponen makna adalah sesuai digunakan dalam menganalisis makna kata kerana melalui analisis kata, makna dapat dilihat dengan lebih jelas. Lehrer telah menyatakan pendapatnya :

"Componential analysis is especially suitable where no unique taxonomies can be constructed because cross-classification prevents their formation." (1974:46)

Sebagai contoh, Lehrer (1974:65) telah menggunakan analisis komponen untuk menganalisis perbezaan makna "bakery product" yang digunakan di Amerika dan Scottish dapat dilihat dengan jelas. Analisis tersebut dapat ditunjukkan dengan lebih jelas melalui jadual 3.1:

Jadual 3.1 : Analisis perbezaan "Bakery product"

	Penggunaan Amerika	Penggunaan Scottis
Cake	<ul style="list-style-type: none"> + manis (<i>sweet</i>) + gembung (<i>raised</i>) - ragi (<i>yeast</i>) + lembut (<i>soft</i>) + individu (<i>individual</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> + manis (<i>sweet</i>) + gembung (<i>raised</i>) - ragi (<i>yeast</i>) + lembut (<i>soft</i>) + individu (<i>individual</i>)

Cookie	<ul style="list-style-type: none"> + mains (<i>sweet</i>) - gembung (<i>raised</i>) - lembut (<i>soft</i>) (kadang-kadang + lembut) + individu (<i>individual</i>) 	Tidak biasa guna
--------	--	------------------

Melalui analisis komponen makna, kita dapat melihat dengan jelas penggunaan makna yang berbeza antara penggunaan Amerika dan Scottish. Tanda "+" merupakan fitur kepada makna kata, tanda "-" merupakan bukan fitur kata itu, manakala tanda "+" ialah boleh merupakan fitur kepada kata dan bukan fitur kepada kata itu.

Selain itu, seorang ahli penterjemah yang kenal, Eugene A. Nida telah menggunakan analisis komponen secara meluas dalam pelbagai aspek. Menurut beliau, terdapat tiga komponen kelas yang utama dalam analisis komponen makna, iaitu i) komponen umum / *Common component*, ii) komponen diagnostik / *diagnostik component*, dan iii) komponen tambahan / *supplementary component*."

"Komponen umum" merujuk kepada fitur yang berkongsi sesuatu aspek dalam lingkungan makna. Komponen ini dianggap penting kerana tanpa komponen ini, maka tidak ada erti untuk membezakan makna di antara perkataan atau ungkapan yang berlainan lingkungan.

"Komponen diagnostik" merupakan fitur-fitur yang mempunyai pertentangan pada sesuatu lingkungan. Fungsi utama komponen ini adalah untuk membezakan makna daripada lingkungan yang sama. Secara khususnya, terdapat tiga jenis perbezaan dalam peranan yang dimainkan oleh komponen diagnostik. Antaranya

adalah perbezaan dari segi implikasi / *implicational*, pusat / *core*, dan ramalan / *inferential*.

"Komponen tambahan" adalah fitur kognitif yang terdapat pada sesetengah sistem semantik. Ia merupakan potensi yang mungkin digunakan untuk memahami makna-makna yang wujud pada sesuatu lingkungan.

Dalam kajian ini, "Analisis komponen makna" akan digunakan sebagai alat kajian untuk mengesan "makna tersembunyi" pada kumpulan kata siri fonetik [ing] selepas diubahsuaikan (sebab-sebab ia dipilih sebagai alat kajian sila rujuk muka surat 41).

3.4 Sebab-sebab Pemilihan Analisis Komponen Makna Sebagai Alat Kajian.

Setelah rujukan dibuat, didapati kaedah "Analisis komponen makna" amat sesuai diguna sebagai kaedah menganalisis data-data kajian ini. Ini adalah kerana kaedah tersebut berupaya mengesan komponen-komponen kelas yang ada pada sesuatu yang dirujuk seperti komponen umum, komponen diagnostik, dan komponen tambahan. Biasanya, kaedah "Analisis komponen makna" digunakan dalam sesuatu kajian dengan bertujuan mengesan "komponen diagnostik" (sila rujuk muka surat 40) di antara dua atau lebih perkataan atau sesuatu ungkapan. Namun, memandangkan tujuan kajian ini adalah untuk mencari persamaan yang terdapat pada sekumpulan perkataan yang bersiri fonetik sama dan seterusnya menentukan makna tersembunyi yang ada pada siri fonetik, maka, penumpuan akan diberikan terhadap "komponen umum" (sila rujuk muka surat 40). Hanya melalui kaedah ini, barulah makna

tersembunyi yang terdapat pada sekumpulan kata bersiri fonetik sama bolch dikesan dan dipastikan. Berikut merupakan contoh bagaimana ciri-ciri "komponen umum" boleh dikesan melalui alat kajian iaitu "Analisis komponen makna":

Sekiranya merujuk kepada Kamus Besar Tulisan Cina / 汉语大字典 (1996:313,409), didapati bahawa 屏 [bīng]/ [bǐng]/ [píng] bermakna asal "dinding kecil pada pintu masuk" (tujuan untuk elakan daripada orang luar melihat keadaan di dalam rumah), dan 幌 [píng] bermakna asal "layar / kain yang digantung pada rumah sebagai halangan". Dalam hal itu, "Analisis komponen makna" boleh digunakan sebagai alat kajian untuk mengesan unsur-unsur makna yang dikongsi (komponen umum) pada kedua-dua tulisan tersebut dengan menandakan simbol "+"(komponen umum) atau "-"(komponen diagnostik) setelah kata-kata tersebut dibahagikan kepada unsur-unsur makna. Contohnya adalah seperti berikut :


	Komponen	Tulisan	
		屏	屏
A	Gantung	+	-
B	Pintu	-	+
C	Kecil	-	+
D	Halangan	+	+

Berdasarkan contoh di atas, jelas kepada kita bahawa "Analisis komponen makna" telah berjaya mengesan "komponen umum" ([halangan]) pada kedua-dua kata ("屏 [píng]" dan "屏 [bīng]/ [bǐng]/ [píng]") memandangkan terdapat simbol "+" pada unsur makna kata-kata tersebut (untuk keterangan yang lebih jelas sila rujuk muka surat 51).

3.5 Methodologi

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan beberapa tatacara penganalisisan data yang penting. Ia boleh diterangkan berdasarkan rajah 3.3 berikut :

Rajah 3.3 : Methodologi Kajian Makna Tersembunyi dan Penentu Sebutan



3.5.1 Mengumpul sumber kajian

Mengumpul sumber kajian merupakan langkah pertama dalam proses penganalisisan kajian ini. Pada peringkat ini, semua tulisan Cina yang bervokal [ing] akan dikumpulkan untuk proses yang seterusnya. Contoh proses "mengumpul sumber kajian" adalah seperti berikut :

Tulisan Cina bervokal [bing]: 冰, 并, 兵, 并, 棋, 丙, 邻, 乘, 柄, 烛, 饼, 炳, 屏, 禽, 痘, 痘, 捷.
 (Proses mengumpul sumber kajian bagi tulisan Cina bervokal [ding],[jing],[ling], [ming] ,[ning],[ping],[qing],[ting],[xing], dan [ying] sila rujuk muka surat 59).

Sebelum itu, perlu dijelaskan bahawa sumber kajian iaitu "tulisan Cina bervokal [ing]" akan dikumpul dari 'Kamus Bahasa Cina Moden 现代汉语词典, Syarikat Penerbitan dan Percetakan Shang Wu, 1996.' (Sebab utama "Kamus Bahasa Cina Moden" dipilih sebagai sumber kajian sila rujuk muka surat 13).

3.5.2 Pembahagian sumber kajian berdasarkan Liu Shu

Pembahagian sumber kajian berdasarkan Liu Shu merupakan langkah kedua bagi proses penganalisisan kajian ini. Langkah tersebut adalah penting memandangkan data-data utama yang ditumpukan dalam kajian ini adalah "tulisan fonetik kompleks", maka sebelum itu data-data mentah yang terdapat pada 'Kamus Bahasa Cina Moden' perlu ditapis berdasarkan Liu Shu (sila rujuk muka surat 18) supaya mengolongkan "tulisan-tulisan Cina bervokal [ing]" yang dikumpul pada peringkat pertama mengikut kategori tulisan masing-masing iaitu sama ada tulisan Cina [ing] itu merupakan tulisan yang berkategori "tulisan penunjuk simbol, tulisan gambar

piktografik, tulisan fonetik kompleks, dan tulisan pemahaman logik" (tulisan pengalihan makna" dan "tulisan pinjaman palsu" tidak dapat dikategorikan kerana makna tulisan kategori ini disampaikan berdasarkan fungsi kegunaan bunyi tulisan tetapi bukan berdasarkan simbol atau komponen. Sila rujuk muka surat 21). Contoh proses "Pembahagian sumber kajian berdasarkan Liu Shu" adalah seperti berikut :

Kategori tulisan	Contoh tulisan Cina bervokal [bing] sahaja.
Tulisan penunjuk simbol	Tiada
Tulisan gambar piktografik	Tiada
Tulisan fonetik kompleks	并, 棋, 邻, 柄, 易, 饼, 痘, 屏, 薄, 痘, 痘.
Tulisan pemahaman logik	冰, 并, 兵, 丙, 乘, 素.

Merujuk kepada contoh di atas, jelas bahawa setelah proses "pembahagian sumber kajian berdasarkan Liu Shu" dijalankan ke atas "tulisan-tulisan Cina bervokal [bing]" (pembahagian sumber kajian berdasarkan Liu Shu" dijalankan ke atas "tulisan-tulisan Cina bervokal [ing] sila rujuk muka surat 59), tulisan-tulisan tersebut akan diletakkan di bawah kategori masing-masing.

Walau bagaimanapun, rujukan kepada 'Shuowen Jiezi' diperlukan dalam tujuan mengolongkan "tulisan-tulisan Cina [ing]" mengikut kategori tulisan masing-masing (sebab utama bahan rujukan tersebut diperlukan sila rujuk muka surat 17). Sekiranya terdapat tulisan-tulisan yang tidak tercatat pada 'Shuowen Jiezi', maka 'Kamus Besar Tulisan Cina / 汉语大字典, Syarikat Penerbitan Si Chuan, Syarikat Penerbitan Si Chuan, 1996.' akan dirujuk kerana salah satu fungsi utama kamus tersebut adalah untuk mengenalpasti kategori tulisan berdasarkan Liu Shu.

Setelah penapisan, hanya "tulisan-tulisan Cina bervokal [ing]" yang digolongkan dalam kategori "tulisan fonetik kompleks" akan diberi penumpuan untuk proses yang selanjutnya.

3.5.3 Mengumpul tulisan fonetik kompleks [ing] mengikut siri fonetik

"Mengumpul tulisan fonetik kompleks mengikut siri fonetik" merupakan langkah yang ketiga dalam pemprosesan kajian ini. Langkah ini merupakan proses yang menentukan "tulisan fonetik kompleks bervokal [ing]" mengikut "siri fonetik". Ini bermakna langkah ini bertujuan untuk mengumpulkan semua tulisan fonetik kompleks [ing] dengan mengikut siri fonetik masing-masing. Contoh proses "mengumpul tulisan fonetik kompleks [ing] mengikut siri fonetik" adalah seperti berikut : (Sila rujuk muka surat 60 untuk proses keseluruhan).

并="并 [bīng]/[bìng] 屏="屏 [bīng]/[bìng]" 摒="摒 [bīng]/[bìng]" 饼="饼 [bīng]/[bìng]" 併="併 [bīng]/[bìng]" 彙并="彙并 [bīng]/[bìng]" 瓶="瓶 [bīng]/[bìng]" 弔并="弔并 [bīng]/[bìng]"	炳="炳 [bǐng]" 𦥑="𦥑 [bǐng]" 柄="柄 [bǐng]" 炳="炳 [bǐng]" 病="病 [bǐng]" 𠀤="𠀤 [bǐng]" 𠀤="𠀤 [bǐng]"	宾="宾 [bīn]"	𩶫="𩶫 [bēi]"
---	--	-------------	-------------

3.5.4 Mengenalpasti siri fonetik [ing]

"Mengenalpasti siri fonetik [ing]" merupakan langkah yang keempat dalam pemprosesan kajian ini. Dalam peringkat ini, siri fonetik [ing]" sahaja (contoh seperti "siri fonetik 并 [bīng]/[bìng] dan 炳 [bǐng]" dari contoh proses "mengumpul tulisan fonetik kompleks mengikut siri fonetik" di muka surat 46) akan dipilih dan dikaji

pada langkah seterusnya. Ini bermakna, "kumpulan kata siri fonetik yang bukan [ing]" akan diketepikan kerana tidak diperlukan dalam proses yang selanjutnya. (Siri fonetik [ing] yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah 并 [bīng]/[bìng], 丙 [bǐng], 丁 [dīng], 定 [dìng], 廷 [tíng], 圣 [jīng], 京 [jīng], 青 [qīng], 并 [jīng], 景 [jǐng], 敬 [jìng], 竟 [jìng], 令 [līng]/[líng]/[lìng], 变 [lìng], 丽 [lìng], 名 [míng], 明 [míng], 宁 [níng]/[nìng], 平 [píng], 坪 [qīng], 岌 [qìng], 幸 [tīng], 星 [xīng], 幸 [xìng], 刑 [xíng], 英 [yīng], 英 [yīng], 莺 [yīng], 翩 [yīng], dan 義 [yíng]. Sila rujuk muka surat 65).

3.5.5 Mengenalpasti kumpulan kata siri fonetik [ing]

"Mengenalpasti kumpulan kata siri fonetik [ing]" merupakan langkah yang kelima dalam pemprosesan kajian ini. Langkah ini merupakan proses yang amat penting kerana data-data yang ditapis dan dikumpul sebelum itu merupakan data-data yang "belum lengkap" kerana mengikut Liu Shu, terdapat juga tulisan fonetik kompleks yang "bukan bervokal [ing]" tetapi "bersiri fonetik [ing]". Sebagai contohnya, walaupun tulisan fonetik kompleks "馨 [xīn]" bervokal [in] tetapi tetap dikira sebagai tulisan "siri fonetik [ing]" kerana mengikut Liu Shu, komponen simbol fonetik bagi tulisan "馨" adalah 壴 [qīng]", jadi ia harus digolongkan kepada "kumpulan kata siri fonetik [ing]" (sila rujuk muka surat 16). Contoh proses "mengenalpasti kumpulan kata siri fonetik 并 [bīng]/[bìng]" adalah seperti berikut :

Kumpulan kata siri fonetik "并 [bīng]/[bìng]": 饼,并,屏,枰,并,瓶,枰,屏,屏,屏,屏 ("饼,并,屏,枰,并" harus dikategorikan ke kumpulan siri fonetik "并 [bīng]/[bìng]" kerana mengikut Liu Shu, siri fonetiknya adalah "并 [bīng]/[bìng]" walaupun

sebutannya adalah "姪 [pīn], 娛 [pián], 嬌 [pián] dan 嬲并 [bèng]". Sila rujuk muka surat 66).

Sekiranya merujuk kepada data yang dikumpulkan pada proses sebelumnya, tulisan 姮 [pīn], 娱 [pián], 嬌 [pián], dan 嬲并 [bèng] tidak dimasukkan pada kumpulan kata siri fonetik "并 [bīng]/[bìng]", akan tetapi mengikut Liu Shu, tulisan-tulisan tersebut tulisan-tulisan yang bersiri fonetik "并 [bīng]/[bìng]", maka ia harus dimasukkan ke dalam "kumpulan kata siri fonetik "并 [bīng]/[bìng]".

Disebabkan fenomena yang tersebut di atas, maka langkah ini diperlukan supaya melengkapkan lagi "kumpulan kata siri fonetik [ing]". Dengan adanya proses ini, tulisan-tulisan yang bersiri fonetik [ing] tidak akan diabaikan dan seterusnya menghasilkan "kumpulan kata siri fonetik [ing]" yang sebenar dan berdasarkan Liu Shu. Setelah proses "mengenalpasti kumpulan kata siri fonetik [ing]", barulah data-data boleh dianggap telah sempurna dan membolehkan langkah yang seterusnya dijalankan. Walau bagaimanapun, "tulisan fonetik kompleks yang bukan [ing]"-tetapi "bersiri fonetik [ing]" itu akan dikenalpasti dengan merujuk kepada 'Shuowen Jiezi' dan hanya tulisan-tulisan yang terdapat pada 'Kamus Bahasa Cina Moden 现代汉语词典, Syarikat Penerbitan dan Percetakan Shang Wu, 1996.' akan dipilih sebagai data-data kajian ini. (Sebab utama 'Kamus Bahasa Cina Moden' dan 'Shuowen Jiezi' dipilih sebagai sumber kajian sila rujuk muka surat 13 dan 17).

Selepas kumpulan kata siri fonetik [ing] dilengkapkan, maka langkah yang seterusnya adalah menjalankan analisis ke atas "penentu sebutan" dan "makna

tersembunyi". Penganalisisan tersebut akan dijalankan secara berasingan iaitu "penganalisisan penentu sebutan" dan "penganalisisan makna tersembunyi".

3.5.6 Penganalisisan penentu sebutan

Dalam proses ini, terdapat 30 kumpulan kata siri fonetik [ing] akan dianalisis berdasarkan sebutannya. Data-data tersebut akan diklasifikasikan kepada empat kumpulan, iaitu "kumpulan persamaan konsonan, vokal dan tone", "kumpulan persamaan konsonan dan vokal sahaja", "kumpulan persamaan vokal sahaja", dan "kumpulan persamaan siri fonetik tetapi berlainan sebutan". Contoh proses klasifikasi dalam kajian ini adalah seperti berikut :

Siri fonetik	Persamaan Konsonan Vokal dan Tone	Persamaan Konsonan dan Vokal Sahaja	Persamaan Vokal Sahaja	Persamaan Siri Fonetik Tetapi Berlainan Sebutan
并 [bīng] [bìng]	餅 [bǐng] 摒 [bǐng] 屏 [bǐng]	饼 [bǐng] 屏 [bǐng]	洴 [píng] 幃 [píng] 瓶 [píng] 屏 [píng] 幙 [píng]	佷 [bēn] 姘 [pīn] 駢 [pián] 胼 [pián] 佷 [bèng]

Berdasarkan contoh di atas, kumpulan kata siri fonetik "并" [bīng]/[bìng]" boleh diklasifikasikan kepada empat kumpulan dengan merujuk kepada sebutannya. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat lebih dari satu sebutan pada sesuatu tulisan, maka tulisan itu akan diklasifikasikan mengikut bilangan sebutan yang ada padanya. (Contohnya seperti tulisan "屏" yang mempunyai tiga sebutan iaitu [bǐng], [bìng], dan [píng] akan diklasifikasikan sebanyak tiga kali berdasarkan sebutannya iaitu "kumpulan persamaan konsonan, vokal dan tone" (sebutan [bǐng]), "kumpulan

"persamaan konsonan dan vokal sahaja" (sebutan [bīng]), dan "kumpulan persamaan vokal sahaja" (sebutan [píng]). Langkah ini merupakan langkah yang penting kerana tanpa mengambilkira sebutan lain pada tulisan-tulisan yang mempunyai lebih daripada satu sebutan, maka hasil kajian tidak akan dapat memberi angka yang sebenar mengenai kadar keberkesanan kumpulan kata siri fonetik [ing] sebagai fungsi penentu sebutan.

3.5.7 Penganalisisan makna tersembunyi

Dalam proses ini, alat kajian iaitu "analisis komponen" digunakan untuk mengesan makna tersembunyi yang ada pada kumpulan kata siri fonetik [ing]. Tatacara penganalisisan makna tersembunyi dalam kajian ini adalah seperti berikut :

a) Menyenarai penerangan

"Menyenarai penerangan" merupakan peringkat pertama yang dalam prosedur "kajian makna tersembunyi". Pada peringkat ini, data-data diinterpretasikan supaya berubah ke bentuk yang lebih senang dianalisis. Proses ini bertujuan untuk membolehkan kita memahami ciri-ciri yang berlainan dari segi unit makna pusat mahupun penerangan yang berkaitan dengan unit makna pusat.

Dalam kajian ini, proses menyenarai penerangan dijalankan dengan merujuk kepada 'Shuowen Jiezi' dengan bertujuan mencari "makna asal" tulisan tersebut. (kerana kamus tersebut mempunyai keautoritian dalam menentukan "makna asal") Sebab utama hanya "makna asal" dirujuk sebagai "penerangan" adalah untuk

mengelakkan makna-makna tambahan / makna derival yang mungkin boleh menjadi sebagai "pengganggu" dalam kajian ini. (Sekiranya terdapat tulisan-tulisan yang tidak tercatat pada 'Shuowen Jiezi', maka 'Kamus Besar Tulisan Cina / 汉语大字典, Syarikat Penerbitan Si Chuan, Syarikat Penerbitan Hu Bei, 1996.' akan dirujuk kerana salah satu fungsi utama kamus tersebut adalah mengenalpasti "makna asal" tulisan-tulisan Cina). Contoh proses menyenaraikan penerangan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

Kumpulan kata siri fonetik "并 [bīng]/[bìng]"	Penerangan makna asal
饼 [bǐng]	Biskut / makanan yang dihasilkan melalui cantuman tepung dan gula.
并 [píng]	Layar / kain yang digantung pada rumah sebagai halangan.
并 [píng]	Bunyi air semasa mengalir.
瓶 [píng]	Botol / tin / bekas barang.
枰 [bīng]/[bèng]	Kelapa sawit.
屏 [bīng]/ [bǐng]/ [píng]	Dinding kecil pada pintu masuk. (tujuan untuk elakan daripada orang luar melihat keadaan di dalam rumah.)
摒 [bìng]	Menghapuskan sesuatu dengan tangan
幵 [píng]	Sama seperti "幵" iaitu "Layar / kain yang digantung pada rumah sebagai halangan".
姘 [pīn]	Menghapuskan halangan.
骈 [pián]	Menunggang kuda.
胼 [pián]	Kulit tebal pada kaki dan tangan.
𢂔 [bèng]	Wajah berlari.

Berdasarkan contoh di atas, jelaslah bahawa setiap penerangan mengenai makna asal tulisan yang di bawah kumpulan kata siri fonetik "并 [bīng/[bìng]]" akan disenaraikan. Setelah proses tersebut, maka proses yang seterusnya adalah "Menentu komponen umum".

b) Menentu komponen umum

Langkah kedua ini merupakan proses menumpukan perhatian terhadap pembentukan penerangan kepada bentuk yang jarang digunakan dalam situasi bahasa yang sebenar.

Melalui proses ini, sesuatu yang dirujuk akan dipecahkan kepada intisari-intisari yang berbentuk "penerangan secara khusus" berdasarkan komponen umum (sila rujuk muka surat 40).

Walau bagaimanapun, proses penentuan dalam kajian ini agar berbeza dengan kajian yang biasa menggunakan "analisis komponen makna" sebagai alat kajian. Dalam kajian biasa, alat kajian ini digunakan dengan tujuan mengesan "komponen diagnostik" yang ada pada data-data, tetapi dalam kajian ini, "komponen umum" (sila rujuk muka surat 40) lebih dititikberatkan kerana tujuan "kajian makna tersembunyi" adalah mengesan "komponen bersama" pada kumpulan kata siri fonetik [ing] (sila rujuk muka surat 41). Contoh proses menentu komponen umum dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

Proses menentu komponen umum "kumpulan kata siri fonetik 并[bīng]/[bìng]"

	Komponen	Tulisan	餅	幘	泮	瓶	枰	屏	搆	姘	駢	𦵹	餅
A	Cantuman		+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
B	Tepung		+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
C	Gula		+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
D	Halangan		-	+	-	-	-	+	+	+	-	-	-
E	Bunyi		-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-
F	Bekas barang		-	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-
G	Nama khas pokok		-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-
H	Hapus		-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-
I	Menunggang		-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-
J	Tebal		-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-
K	Lari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+

Berdasarkan contoh proses menentu komponen umum "kumpulan kata siri fonetik [ing]" di atas, jelaslah bahawa makna yang disampaikan oleh siri fonetik akan

dikenalpasti dan disenaraikan. Simbol "+" dan "-" digunakan untuk mencerangkan sama ada terdapat unsur-unsur makna yang dikongsi (komponen umum) pada kumpulan kata siri fonetik "并[bīng]/[bìng]". Walau bagaimanapun, unsur-unsur makna yang disampaikan oleh "komponen radikal" tidak akan disenaraikan. Ini adalah kerana makna yang disampaikan oleh "komponen radikal" bukan merupakan tujuan kajian ini (tujuan kajian ini adalah untuk mengesan "makna tersembunyi" iaitu makna yang disampaikan oleh "siri fonetik"). Contohnya bagi tulisan "餅[bǐng]", tulisan ini boleh diertikan sebagai "biskut atau makanan yang dihasilkan melalui cantuman tepung dengan gula". Jadi, unsur-unsur yang dikenalpasti ialah [+makanan], [+cantuman], [+tepung], [+gula], tetapi makna [makanan] pada tulisan "餅[bǐng]" merupakan makna yang dinyatakan oleh komponen radikalnya iaitu "饣" (bermakna "makanan"), maka makna tersebut tidak akan disenaraikan, hanya makna-makna yang disampaikan oleh siri fonetik "并[bīng]/[bìng]" iaitu [+cantuman], [+tepung], [+gula] akan disenaraikan dalam proses menentu komponen umum. Di samping itu, terdapat juga keadaan dimana unsur-unsur makna siri fonetik tidak dapat diasingkan dengan unsur-unsur makna komponen radikal. Contohnya seperti tulisan "瓶[píng]", tulisan tersebut diertikan sebagai "botol, tin atau bekas barang", jadi komponen-komponen makna yang akan disenaraikan adalah [+bekas barang] walaupun komponen makna [bekas] merupakan komponen makna yang dinyatakan oleh komponen radikal "匚". Selain itu, terdapat juga tulisan-tulisan yang susah dikenalpasti komponen-komponen makna seperti tulisan "𦵈[bǐng]" yang merupakan "nama khas bagi sesuatu tempat". Dalam hal itu, komponen-komponen makna yang akan disenaraikan adalah [nama khas bagi sesuatu tempat].

c) Menentu makna tersembunyi

Proses "menentu makna tersembunyi" bertujuan mengesan makna tersembunyi pada kumpulan kata siri fonetik [ing]. Dalam proses ini, kumpulan kata siri fonetik [ing] yang mempunyai makna tersembunyi boleh dikesan melalui penelitian terhadap simbol "+" pada "proses penentu komponen umum kumpulan kata siri fonetik 并[bīng]/[bìng]" kerana simbol itu merupakan simbol yang menunjukkan terdapat "komponen umum" atau "makna bersama" bagi kumpulan kata siri fonetik yang dikaji. Contohnya proses "mengesan makna tersembunyi" adalah seperti berikut:

	Komponen	Tulisan	餅	餅 幃	并	瓶	并	屏	摒	并	屏	摒	并
A	Cantuman		+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
B	Tepung		+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
C	Gula		+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
D	Halangan		-	+	-	-	-	+	+	+	-	-	-
E	Bunyi		-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-
F	Bekas barang		-	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-
G	Nama khas pokok		-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-
H	Hapus		-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-
I	Menunggang		-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-
J	Tebal		-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-
K	Lari		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+

Berdasarkan penelitian ke atas "Proses menentu komponen umum kumpulan kata siri fonetik 并[bīng]/[bìng]", maka kesimpulan boleh dibuat bahawa tulisan "并/幃, 屏, 摆, dan 并" mempunyai makna tersembunyi [halangan] kerana terdapat "komponen bersama" iaitu "simbol +" pada tulisan-tulisan tersebut.

3.5.8 Hasil kajian

Hasil kajian merupakan data-data yang selaras dengan objektif kajian ini (sila rujuk muka surat 8) iaitu i) menghasilkan satu klasifikasi makna tersembunyi yang sistem dan teratur, ii) mencari kadar keberkesanan penentu sebutan berdasarkan Liu Shu. Dalam hal itu, hasil kajian ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

Bahagian pertama merupakan hasil kajian yang selaras dengan objektif pertama iaitu "menghasilkan satu klasifikasi makna tersembunyi yang sistem dan teratur". Dalam peringkat ini, satu senarai makna-makna tersembunyi yang berdasarkan hasil daripada peranalisisan terhadap "kajian makna tersembunyi" akan disenaraikan. Contoh senarai makna tersembunyi kumpulan kata siri fonetik "并 [bīng]/[bìng]" (Senarai makna tersembunyi keseluruhan sila rujuk muka surat 118) adalah seperti berikut :

	Siri Fonetik	Sebutan	Makna Tersembunyi	Makna Tulisan
1	并	[bīng] [bìng]	[Halangan]	并 / 𠂔 = kain [halangan]. 屏 = dinding kecil yang berfungsi sebagai [halangan]. 摒 = menghapuskan [halangan].

Berdasarkan contoh senarai makna tersembunyi di atas, jelas bahawa "siri fonetik 并 [bīng]/[bìng]" juga berfungsi sebagai penyampai makna tersembunyi [halangan] pada empat tulisan iaitu "屏, 𠂔, 摆". Sekiranya kesemua makna tersembunyi bagi "siri fonetik [ing]" disenaraikan, maka satu klasifikasi makna tersembunyi bagi "siri fonetik [ing]" akan diperolehi.

Bagi bahagian kedua pula, hasil kajian merupakan bahagian yang sclaras dengan objektif yang kedua dalam kajian ini iaitu "mencari kadar keberkesanan penentu sebutan berdasarkan Liu Shu". Dalam peringkat ini, data-data yang dikumpulkan di bawah "kumpulan persamaan konsonan, vokal dan tone", "kumpulan persamaan konsonan dan vokal sahaja", "kumpulan persamaan vokal sahaja", dan "kumpulan persamaan siri fonetik tetapi berlainan sebutan" akan diubahsuaikan kepada angka peratusan supaya memberi gambaran yang lebih jelas mengenai "kadar keberkesanan penentu sebutan siri fonetik [ing] berdasarkan Liu Shu" (contoh sekiranya angka pada "kumpulan persamaan konsonan, vokal dan tone" menunjukkan 17%, ini bermakna antara 100 tulisan, terdapat 17 tulisan yang boleh dibaca dengan betul dari segi konsonen, vokal dan tone. Sila rujuk muka surat 115).

3.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian induktif yang dijalankan ke atas 30 kumpulan kata siri fonetik [ing]. Data-data ini akan dilihat dari dua aspek, iaitu dari aspek penentu sebutan dan makna tersembunyi. Bagi aspek penentu sebutan, proses "klasifikasi" dijalankan dengan tujuan menggolongkan data-data yang tersebut di atas mengikut kategori masing-masing. Manakala bagi aspek makna tersembunyi, analisis komponen digunakan sebagai alat kajian dengan tujuan mengesan komponen umum yang terdapat pada 30 kumpulan kata siri fonetik [ing]. Langkah-langkah penganalisisan yang dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif kajian ini.